



KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
 Aras 1-7, Block C4 & C5, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
 62662 Putrajaya, Malaysia

MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION
 Level 1-7, Block C4 & C5, Complex C, Federal Government Administrative Centre
 62662 Putrajaya, Malaysia

Tel: (603)88858000 FAKS (603)88889070 URL <http://www.mosti.gov.my>

MOSTI



MOSTI/INP/INO/PRO-7/4 (55)

19 APRIL 2011

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/ Puan,

INNOSPACE SABAH

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama SIRIM Sabah telah melancarkan **Innospace Sabah** pada **28 Mac 2011**. Penubuhan Innospace ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk memperkasakan rakyat dan membekalkan ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk membangunkan masyarakat terutamanya masyarakat di peringkat akar umbi.
3. Sebagai makluman, Innospace ini merupakan satu pusat komuniti yang menyediakan ruangan kreatif dan kemudahan seperti ruang pereka cipta, ruang kemudahan peralatan mencipta dan membina prototaip, ruang pameran, arkib data dan informasi, ruang rujukan *online* dan latihan serta pembelajaran. Innospace juga memberikan perkhidmatan pembangunan, perniagaan, jalinan pemasaran dan pengkomersilan dan khidmat nasihat serta pakar rujuk seperti di **brosur** (Lampiran 1).
4. Sehubungan itu, MOSTI amat berbesar hati menjemput pihak tuan/puan yang mempunyai idea dan prototaip awal untuk memanfaatkan peralatan dan perkhidmatan yang disediakan di Innospace Sabah di Lot No 8, Jalan 1D, Zon Industri 3, Taman Perindustrian, Kota Kinabalu, 88450, Kota Kinabalu, Sabah seperti di **peta lokasi** (Lampiran 2). Sekiranya terdapat latihan bersesuaian yang diperlukan, tuan/puan dipohon untuk memberikan



88

cadangan supaya pihak pengurusan Innospace dapat mempertimbangkan cadangan tersebut.

5. Adalah diharapkan penubuhan Innospace Sabah dapat dimanfaatkan dan segala kemudahan yang disediakan digunakan sebaik mungkin oleh para pereka cipta akar umbi bagi mencungkil bakat dan berusaha untuk mencipta produk-produk inovasi.


6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, harap dapat berhubung terus dengan Urusetia SIRIM Sabah Tuan Haji Khairan Untoh di talian 088-490873, emel: khairan@sirim.my atau Dr. Marziah Mokhtar di talian 03-88858252, emel: marzie@mosti.gov.my, faks 03-88885969, Ida Rusyeela Abdul Samad di talian 03-88858559, faks 03-88885969, emel: idarusyeela@mosti.gov.my atau Maimunah Baharuddin di talian 03-88858246, faks 03-88885969, emel: maimunah@mosti.gov.my.

Sekian; terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

MALAYSIA INOVATIF, MERAIKAN KREATIVITI

Saya yang menurut perintah,



(DATIN NUR WAHIDAH WONG ABDULLAH)

b.p : Ketua Setiausaha

Kementerian Sains, -Teknologi dan Inovasi

187

TENAGA PENGAJAR

En. Abdul Halim Jatri
(Kejuruteraan Elektrikal)

En. Hisyamuddin Rahim bin Marsidi
(Kimia Industri)

WAKTU OPERASI

8.00 pagi hingga 5.00 petang
(Isnin hingga Jumaat)

HUBUNGI KAMI

TUAN HAJI KHAIRAN UNTOH
PENGURUS BESAR
SIRIM SABAH

Lot 1, Fasa 1, Zon Perdagangan (KKIP)
Jalan Timur 6
88450 Kota Kinabalu, Sabah


E-mel: khairan@sirim.my
Tel: (088) 497082 / 490873
Faks: (088) 496357



INNOSPACE SABAH
SIRIM SABAH
LOT NO.8 JALAN 1D
ZON INDUSTRI 3
TAMAN PERINDUSTRIAN
88450 KOTA KINABALU, SABAH



SIRIM Berhad Sabah Branch



LEGEND

 ROUTE TO SIRIM

85

Pejabat Keselamatan Kerajaan Malaysia Negeri Sabah

Tingkat 6, Blok B, Bangunan Wisma Muis

Peti Surat B29

88999, Kota Kinabalu

SABAH**Pejabat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Negeri Sabah**

Blok A, Bangunan KWSP

Beg Berkunci No. 2019

88598, Kota Kinabalu

SABAH**Pejabat MARA Negeri**

Tkt 1 & 2, Bangunan Bank Negara

Peti Surat 11040

88609, Kota Kinabalu

SABAH**Pejabat MARDI Negeri Sabah**

Lot 1, Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP)

km. 7, Jalan Teluk Sepanggar, Menggatal

88450, Kota Kinabalu

SABAH**Pejabat Pemegang Harta**

Blök C, Tingkat 3, Bangunan KWSP

Peti Surat 10824

88009, Kota Kinabalu

SABAH**Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri**

Jabatan Ketua Menteri

Tingkat 6, Wisma Innoprise, Teluk Likas

88817, Kota Kinabalu

SABAH

Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia
Tingkat 7, Blok D, Lot D7.2, Bangunan Kwsp
49 Jalan Karamuning
88000, Kota Kinabalu
SABAH

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
Lot 1 & 2, Blok A, Lorong Buah Salak
Hiong Tiong industrial Center
Km 11.2 Jln Tuaran, Inanam
88450, Kota Kinabalu
SABAH

Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) Sabah
Lot 7.7 dan 7.8,
Tingkat 7, Blok E, Bangunan KWSP 49
Jalan Karamuning
88000, Kota Kinabalu

Perpustakaan Negeri Sabah
Beg Berkunci No. 2023
88999, Kota Kinabalu
SABAH

Persatuan Suri & Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia Cawangan Sabah
PUSPANITA Cawangan Negeri Sabah
d/a Rumah Kelab MAKSAK
Jalan Istiadat, Teluk Likas
Peti Surat No. 280
88856, Kota-Kinabalu
SABAH

Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)
Tingkat Bawah, Blok I, Asia City
Peti Surat 11550
88817, Kota Kinabalu
SABAH



OBJEKTIF

Menyediakan satu platform bagi para pereka cipta akar umbi membangunkan idea.

Membudayakan inovasi dalam kehidupan rakyat Malaysia.

PERANAN

Menyediakan ruang dan kemudahan untuk membantu pereka cipta membangunkan idea, membuat prototaip dan *modelling*.

Memberi khidmat nasihat dan pakar rujuk kepada pengguna pusat inovasi komuniti.

Menyediakan latihan mengenai kreativiti dan inovasi.

Memberi perkhidmatan pencarian paten.

Memberi bantuan khidmat komersiliasi dan pembangunan perniagaan.

Mengadakan pameran produk inovasi golongan akar umbi.

Membantu mempromosi dan jalinkan dengan pihak-pihak berkaitan bagi membangunkan produk akar umbi dan memasarkannya.

AKTIVITI INNOSPACE SABAH BENGKEL HANDS-ON

- Bengkel *Auto-Cad*
- Bengkel Pembuatan Barangan Kaca
- Bengkel Pembungkusan Inovatif
- Bengkel Penjaminan Kualiti
- Bengkel *Prototyping*
- Bengkel *Spin Casting*
- Bengkel Lukisan Seni Kreatif

CERAMAH INOVASI

- Kepentingan Harta Intelek
- Pemasaran Produk Secara Kreatif
- Pemasaran Idea dan Royalti
- Pengurusan Sistem Berkualiti
- Ceramah Usahawan Era Moden

LAWATAN

- Lawatan sambil belajar Kelab Rekacipta & inovasi
- Hari Inovasi bersama pelajar tabika

KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN

1. Ruang perekacipta
2. Ruang kemudahan peralatan mencipta dan membina prototaip
3. Ruang pameran
4. Arkib Data dan Informasi
5. Ruang rujukan *Online*
6. Ruang latihan dan pembelajaran
7. Perkhidmatan pembangunan perniagaan
8. Jalinan pemasaran dan pengkomersilan
9. Khidmat nasihat dan pakar rujuk